



# BULETIN

PERJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSKUTUAN

10  
JANUARI  
2017

## Lawatan Ke Razak Mansion

Satu lawatan tapak telah diadakan oleh pihak pemaju bersama agensi kerajaan (Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Tapak Projek Pembangunan Semula Perumahan Awam 1Razak Mansion di Sungai Besi. Lawatan tersebut bertujuan untuk mendengar taklimat berkenaan perkembangan projek yang telah siap sebanyak 98% dan membuat lawatan tapak. Projek tersebut mula dibina pada tahun 2014 oleh Syarikat Impianika Development Sdn.Bhd dengan kerjasama awam-swasta dengan Kerajaan.



31  
M A C  
2017

## Mesyuarat Agung Kestawi

Mesyuarat Agung Tahunan Kelab KESTAWI PPTG WP KL telah diadakan pada 31 Mac 2017 (Jumaat) bermula jam 8.30 pagi di Dewan Serbaguna Aras 4, Rumah Persekutuan Kuala Lumpur. Mesyuarat Agung pada kali ini adalah bagi menentukan pencalonan dan perlantikan Ahli Jawatankuasa KESTAWI yang baharu bagi tahun 2017 serta membincangkan hal-hal / isu-su berbangkit bersama-sama ahli-ahli KESTAWI.



2  
M A C  
2 0 1 7

## Simulasi Kaunter SPOC Projek e-Tanah

Satu sesi simulasi Single Point of Contact (SPOC) telah diadakan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) pada 25 Februari 2017 yang lalu. Sesi ini diadakan bertujuan untuk menguji aliran kerja SPOC yang melibatkan peralatan kaunter, pergerakan fail dan pergerakan pengguna. Ianya juga adalah sebagai latihan kepada kerani dan penyelia kaunter untuk menyesuaikan diri dengan sistem e-Tanah yang akan dilaksanakan di PPTG WPKL. Sesi ini juga turut dihadiri oleh Haji Che Roslan bin Che Daud, Timbalan Ketua Pengarah (SKPP) JKPTG dan Encik Adnan bin Ahmad, Pengarah Bahagian Pengurusan ICT yang melawat kaunter SPOC dan melihat penggunaan sistem e-Tanah di PPTG WPKL. Susulan daripada sesi ini, satu lagi sesi simulasi SPOC akan diadakan pada 22 April, 2017 untuk menguji aliran kaunter dan memberi lebih pendedahan operasi kaunter.



22  
FEBRUARI  
2017

## Majlis Perhimpunan JPM Bersama YBHG. TKSUK JPM Bil. 2 / 2017

Perhimpunan Bulanan Bersama YBhg. Tan Sri TKSUK JPM telah diadakan pada 22 Februari 2017 (Rabu) bermula jam 8.00 pagi bertempat di Auditorium JPM, Putrajaya. Perhimpunan pada kali ini adalah anjuran Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, JPM. Seramai 66 orang staf PPTG WP termasuk AJK serta Urus Setia majlis dijemput hadir ke perhimpunan bulanan ini. Seramai 3 orang staf PPTG WP telah menerima surat kenaikan pangkat iaitu Puan Salina bt Jhaya dari Gred W19 ke W22(TBBK), Puan Marlini bt Musa dari Gred W19 ke W22(TBBK) dan Encik Benedict Leo a/l Leo dari Gred W19 ke W22(TBBK). Tahniah atas kenaikan pangkat. Selain itu, Puan Nurazreen bt Azmi telah memenangi tempat pertama dalam cabutan bertuah yang diadakan selepas perhimpunan tersebut.



# 2 FEBRUARI 2017 Lawatan PTG Selangor

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor telah mengadakan lawatan sambil belajar ke pejabat ini pada 2 Februari 2017 (Khamis) di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1, Rumah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan input mengenai perjalanan projek eTanah di PTGWP yang meliputi aspek pentadbiran, perundangan, perancangan dan pengurusan projek masa, kos, tenaga kerja, implikasi, memberikan pendedahan mengenai projek eTanah bagi memudahkan penglibatkan mereka dalam projek eTanah di PTGS. Selain itu, PTG Selangor berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pembangunan SPAS untuk tujuan merekod, menyimpan dan menganalisa data di PTG WP serta proses menambahbaik prosedur pembetulan SPTB supaya lebih sistematik dan mempunyai ciri keselamatan terhadap capaian data.



# PERHIMPUNAN BULANAN

Bersama

YANG BERBAHAGIA TAN SRI  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN  
JABATAN PERDANA MENTERI

BULAN JANUARI 2017

TARikh

25 JANUARI 2017 (RABU)

Tempat

AUDITORIUM JPM,  
BLOK B1,  
KOMPLEKS JPM

UTAHU BARU AZAM BARU | RAMADAN BERSAMA & PENGURUSAN SUMBER MAMPUA



25  
JANUARI  
2017

## Majlis Perhimpunan JPM Bersama YBHG. TKSUK JPM BIL. 1 / 2017

Perhimpunan Bulanan bersama yang berbahagia Tan Sri Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) diadakan di Auditorium JPM. Perhimpunan ini dianjurkan oleh JPM dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) selaku urus setia pada perhimpunan kali ini. Perhimpunan diadakan bagi tujuan untuk memberi maklumat dan amanat kepada kakitangan di bawah JPM untuk terus berkhidmat dengan penuh rasa tanggungjawab. Selain itu, perhimpunan ini mengadakan penyampaian anugerah cemerlang kepada kakitangan yang berkhidmat dengan penuh dedikasi.

